

**Tiada arahan rasmi buang salib di program PM  
Malaysiakini.com  
Disember 31, 2010**

Persekutuan Kristian Malaysia (CFM) mengesahkan tidak pernah menerima sebarang arahan rasmi daripada Pejabat Perdana Menteri supaya membuang elemen keagamaan daripada satu majlis sambutan Krismas yang dihadiri Datuk Seri Najib Razak pada 25 Disember lalu.

"CFM tidak menerima apa-apa arahan bertulis. Saya tidak mengetahui mengenai apa-apa arahan yang diberikan daripada Pejabat Perdana Menteri," kata setiausaha eksekutif CFM Tan Kong Beng ketika dihubungi hari ini.

Tan juga berkata, beliau berkara urusan melibatkan Jabatan Perdana Menteri pada kebiasaannya akan dijalankan olehnya.

Ketua biskop Kuala Lumpur Murphy Pakiam yang menganjur majlis berkenaan bagaimanapun tidak dapat dihubungi hari ini.

Sumber di Pejabat Perdana Menteri juga mendakwa tiada arahan rasmi dikeluarkan berhubung perkara itu.

Sekiranya benar, "arahan" itu mungkin dijalankan oleh pegawai yang menjalankan tugas dengan wewenang, kata sumber itu.

Sumber itu juga berkata, isu berkenaan sekiranya berlarutan akan menimbulkan perselisihan di kalangan masyarakat.